

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]**
TARIKH : **12.6.2014**
SOALAN :

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah kutipan bayaran balik Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pada tahun 2013 dan jumlah tunggakan sehingga April 2014; dan
- (b) jumlah peminjam yang disenaraihitamkan setakat ini mengikut kategori pengajian tinggi sama ada swasta ataupun awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 30 April 2014, seramai 1,494,795 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM10.88 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 968,827 peminjam atau 64.8 peratus telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM5.17 bilion atau 47.5 peratus. Manakala, sebanyak RM5.71 bilion adalah merupakan jumlah tunggakan oleh seramai 525,968 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan juga tunggakan oleh peminjam yang dibenarkan membayar ansuran lebih rendah daripada ansuran sebenar. Bagi tahun 2013, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah berjaya membuat kutipan bayaran balik sebanyak RM1.2 bilion.
- (b) Bagi tempoh yang sama, seramai 132,801 peminjam telah disenarai hitam di Jabatan Imigresen Malaysia yang melibatkan amaun pinjaman berjumlah

RM2.11 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 89,640 peminjam adalah peminjam di institusi pengajian tinggi awam dan 43,161 peminjam di institusi pengajian tinggi swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peminjam yang telah disenaraihitam boleh disemak melalui laman web PTPTN iaitu www.ptptn.gov.my.

Rjm54